



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 23 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JIMAT RM45J SEBULAN HASIL PENGURANGAN SUBSIDI TELUR, LOKAL, HARIAN METRO – 17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	'EGG SUBSIDY TO SAVE GOVT RM135 MILLION OVER THREE-MONTH PERIOD', NATIONAL, THE SUN – 3	
3.	KERAJAAN JIMAT RM135 JUTA PENGURANGAN SUBSIDI TELUR AYAM, NASIONAL, SINAR HARIAN – 5	
4.	EGG SUBSIDY CUTS SAVE GOVT RM135MIL, NATION, THE STAR – 8	
5.	KERAJAAN JIMAT RM45J SEBULAN PENGURANGAN SUBSIDI TELUR, NASIONAL, BERITA HARIAN – 6	
6.	BERHENTI MAKAN GAJI, KERJA TANAM TEMBIKAI, NEGARA, KOSMO – 14	LAIN-LAIN
7.	1,188 PESERTA 'SERBU' PESTA DURIAN TERBESAR, K-REMAJA, KOSMO – 22	
8.	REALITI DUNIA VETERINAR, KuBELA, HARIAN METRO – 33 & 34	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2025	HARIAN METRO	LOKAL	17

Jimat RM45j sebulan hasil pengurangan subsidi telur

Kuala Lumpur: Kerajaan dijangka meraih penjimatan RM45 juta sebulan hasil pengurangan subsidi telur ayam yang dimulakan sejak 1 Mei lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pengurangan subsidi itu juga akan memberikan kerajaan penjimatan sehingga RM135 juta untuk tempoh tiga bulan sebelum penamatan penuh minggu depan.

Katanya, bekalan telur ayam pada masa ini berada pada tahap yang stabil dan dijual pada harga yang berpatutan.

"Bagi Julai, anggaran pengeluaran telur ayam sebanyak 1.75 bilion biji sebulan manakala keperluan penggunaan domestik dianggarkan 1.06 bilion. Ini menunjukkan ada lebihan pengeluaran 0.69 bilion yang sebahagiannya akan digunakan un-

tuk pasaran eksport," katanya dalam sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali (BN-Pekan)** berhubung hasil penjimatan menerusi pengurangan perbelanjaan subsidi dan apakah impak terhadap pasaran telur di pasaran serta impak kepada kos sara hidup secara keseluruhan.

Mohamad berkata, dalam memastikan bekalan dan harga telur kekal stabil, pihaknya bersama Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan terus melaksanakan pemantauan rapi terhadap perkara itu.

Katanya, pengurangan dan penamatan subsidi telur ayam dijangka tidak akan menjejaskan kestabilan bekalan telur ayam memandangkan industri kini menunjukkan tren positif.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2025	THE SUN	NATIONAL	3

'Egg subsidy to save govt RM135 million over three-month period'

KUALA LUMPUR: The reduction in egg subsidies from 10 sen to five sen per egg, which took effect on May 1, is expected to save the government RM135 million over a three-month period, ahead of the full removal of price controls next month.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the move helps reduce government spending by RM45 million each month.

He said egg supply is currently stable and prices in the market remain reasonable.

"As of July 2, estimated monthly production was 1.75 billion eggs, while domestic demand is around 1.06 billion. This means there's a surplus of about 690 million eggs, some of which are exported," he said during the Dewan Rakyat's question-and-answer session yesterday.

He was replying to a question

from Datuk Seri Sh Mohmed Puzy Sh Ali (BN-Pekan), who asked about the savings from the subsidy adjustment and its impact on prices and cost of living.

Mohamad gave an assurance that the reduction and removal of subsidies would not disrupt the egg industry, which is showing positive signs, including lower chicken feed costs.

He said the move allows the government to reallocate funds to

programmes that benefit the public more directly.

He also noted that the inflation rate for eggs dropped by 5.3% in May, although not all egg grades saw the same decrease due to market adjustments following the new subsidy system.

To maintain stable supply and pricing, he said his ministry and the Domestic Trade and Cost of Living Ministry will closely monitor the situation. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Kerajaan jimat RM135 juta pengurangan subsidi telur ayam

KUALA LUMPUR - Pengurangan subsidi telur ayam daripada 10 sen kepada lima sen sebiju berkuat kuasa 1 Mei dijangka memberi penjimatan kepada kerajaan sebanyak RM135 juta bagi tempoh tiga bulan sebelum kawalan harga telur ayam dihentikan sepenuhnya pada 1 Ogos ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pengurangan subsidi itu menjimatkan perbelanjaan kerajaan iaitu sebanyak RM45 juta sebulan.

Beliau berkata, pada masa ini bekalan telur ayam berada pada tahap stabil dan dijual pada harga yang berpatutan di pasaran.

"Pada 2 Julai lepas, anggaran pengeluaran telur ayam ialah sebanyak 1.75 bilion biji sebulan manakala keperluan penggunaan domestik dianggarkan sebanyak 1.06 bilion biji. Ini menunjukkan terdapat lebihan pengeluaran sebanyak 0.69 bilion biji telur yang sebahagiannya digunakan bagi tujuan pasaran eksport," katanya ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab pertanyaan **Datuk Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali (BN-Pekan)** yang ingin tahu hasil penjimatan menerusi penyasaran semula subsidi telur ayam serta impaknya terhadap pasaran dan kos sara hidup rakyat secara keseluruhan.

Mohamad berkata, pengurangan dan penamatan subsidi berkenaan tidak akan menjejaskan kestabilan industri telur ayam memandangkan industri itu kini menunjukkan trend positif termasuk penurunan kos makanan ayam.

"Penyasaran semula subsidi dan penamatan kawalan harga telur membolehkan kerajaan mengurangkan perbelanjaan serta menyalurkan semula peruntukan subsidi kepada inisiatif dan program yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat," jelasnya. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2025	THE STAR	NATION	8

Egg subsidy cuts save govt RM135mil

THE government has saved RM135mil over the past three months following the gradual reduction of chicken egg subsidies, with no major disruptions to supply or price hikes ahead of the full removal of subsidies on Aug 1.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu gave an assurance that the move to end subsidies had not negatively impacted the market, noting that egg production remains robust at around 1.75 billion eggs per month.

This is well above the domestic demand of 1.06 billion eggs. The surplus of 690 million eggs is

expected to partly support exports.

"Egg supply is stable and prices are reasonable. The removal of subsidies will not affect stability because the industry has responded well. We're also seeing a drop in chicken feed costs, which helps," he told Datuk Seri Sh Mohamed Puzi Sh Ali (BN-Pekan), who had voiced concerns about the impact of subsidy removal on B40 households.

Mohamad also noted that lower-grade eggs remain affordable despite the subsidy changes.

"Grade C and D eggs are widely available. In some areas, a tray of 30 can be bought for less than

RM10. This ensures that B40 families are not burdened by rising prices.

"There are even areas where sellers have had to offer eggs at lower prices due to abundant supply, especially for grades C and D," he said.

"Grades A and B are slightly more expensive, but C and D are in the market, and that's what many consumers are opting for," he added.

Based on the government's previous announcement, the subsidy was reduced from 10sen to 5sen per chicken egg from May 1. It will be removed entirely on Aug 1.

To prevent profiteering and ensure continued affordability, both the Agriculture Ministry and the Domestic Trade and Cost of Living Ministry are monitoring prices and supply nationwide.

"We're working with all parties - breeders, wholesalers and others. So far, the situation is stable and well-managed," said Mohamad.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

Kerajaan jimat RM45j sebulan pengurangan subsidi telur

Kuala Lumpur: Kerajaan dijangka meraih penjimatan RM45 juta sebulan hasil pengurangan subsidi telur ayam yang dimulakan sejak 1 Mei lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pengurangan subsidi itu juga akan memberikan kerajaan penjimatan sehingga RM135 juta untuk tempoh tiga bulan sebelum penamatan penuh dilaksanakan minggu depan.

Katanya, bekalan telur ayam pada masa ini berada pada tahap yang stabil dan dijual pada harga berpatutan.

"Bagi Julai, anggaran pengeluaran telur ayam adalah sebanyak 1.75 bilion biji sebulan, manakala keperluan penggunaan domestik dianggarkan 1.06 bilion. Ini menunjukkan terdapat lebihan pengeluaran sebanyak 0.69 bilion, yang sebahagiannya akan digunakan untuk pasaran eksport," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali (BN-Pekan) berhubung hasil penjimatan menerusi pengurangan perbelanjaan subsidi dan impak terhadap pasaran telur di pasaran serta impak kepada kos sara hidup secara keseluruhan.

Mohamad berkata, dalam memastikan bekalan dan harga telur kekal stabil, pihaknya bersama Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan terus melaksanakan pemantauan rapi terhadap perkara itu.

Katanya, pengurangan dan penamatan subsidi telur ayam dijangka tidak akan menjejaskan kestabilan bekalan telur ayam memandangkan industri kini menunjukkan trend positif termasuk penurunan makanan ayam.

"Penyasaran semula subsidi dan penamatan kawalan harga telur membolehkan kerajaan mengurangkan perbelanjaan dan menyalurkan semula subsidi kepada program yang memberi manfaat kepada rakyat.

"Kadar inflasi tahunan bagi telur ayam mencatatkan penurunan 5.3 peratus pada 2025, bagaimanapun ia tidak berlaku secara menyeluruh melintasi semua grad telur," katanya.

Berhenti makan gaji, kerja tanam tembikai

PONTIAN – Seorang bekas pegawai kualiti sebuah kilang di Pekan Nenas, di sini sanggup meninggalkan kerjaya makan gaji dan suasana penghawa dingin semata-mata untuk berkecimpung dalam bidang pertanian.

Keputusan yang dibuat Mohd. Nuril Azim Ahmad Bahrom, 29, nyata berhasil apabila kini dia memiliki kebun buah golden melon.

Menurut pemegang ijazah pengurusan ladang dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jasin, Melaka itu, dia memulakan kerjaya sebagai petani muda bermula 2020.

"Saya berhenti kerja makan gaji pada 2020 dan ambil keputusan mengusahakan kebun kelapa sawit milik keluarga.

"Bapa saya, Ahmad Bahrom Jamari, 61, dan ibu, Suraya Rahmat, 53, merupakan golongan orang kurang upaya (OKU) iaitu pekak dan bisu, bila fikir pada masa sama saya boleh jaga mereka," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Sulaiman, Telok Kerangan, di sini baru-baru ini.

Katanya, bermula dari situ, dia mengikuti kursus penanaman golden melon daripada seorang usahawan yang berjaya

di Johor Bahru termasuk cara penanaman, penjagaan dan membuat baja.

"Memandangkan saya mempunyai pengetahuan dalam pertanian, lebih memudahkan memahami projek penanaman golden melon," katanya.

Ujarnya, bagi mereka yang tiada asas, biasanya akan ditawarkan untuk sama-sama menanam 500 pokok golden melon di kebun usahawan tersebut sehingga mengeluarkan hasil.

"Dengan modal RM20,000 hasil wang simpanan, saya memulakan projek menanam golden melon pada 2024 dengan membina rumah hijau dan pemasangan sistem pengairan.

"Sistem yang saya gunakan ini adalah hidroponik DFT dengan kerja penanaman dimulakan pada awal tahun ini dengan sebanyak 500 pokok golden melon ditanam," ujarnya.

Katanya, harga golden melon dijual mengikut saiz iaitu saiz A (RM12), saiz B (RM10) dan premium (RM14) yang dipasarkan melalui Facebook, TikTok dan sebagainya.

"Sambutan pembeli adalah baik dengan penghantaran dibuat ke Benut, Pekan Nenas, Kukup selain mereka yang datang terus ke ladang," katanya.



MOHD. NURIL menunjukkan buah golden melon di kebunnya di Kampung Parit Sulaiman, Telok Kerang, Pontian baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2025	KOSMO	K-REMAJA	22



ANTARA durian yang disajikan kepada peserta adalah musang king dan black thorn. — FARIZWAN HASBULLAH

Varia

Oleh SITI SARAH NURUL LIYANA

1,188 peserta 'serbu' pesta durian terbesar

SATU acara makan durian beramai-ramai telah mencatat sejarah tersendiri apabila diiktiraf oleh Malaysia Book of Records sebagai Pesta Durian Terbesar dengan Peserta Teramai' menerusi penyertaan seramai 1,188 orang di One World Hotel, Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Acara yang dianjurkan oleh SDurian World dengan kerjasama Teju Youth Worldwide itu berjaya menarik penyertaan bukan sahaja dari dalam, malah pelbagai negara lain seperti China, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Australia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SDurian World, David Hew, sambutan luar biasa yang diterima mencerminkan kekuatan durian Malaysia sebagai buah tropika premium bertaraf antarabangsa.

"Sambutan hari ini benar-benar luar biasa. Ini membuktikan bahawa durian kita terutamanya Musang King semakin mendapat tempat di peringkat global," katanya.

Sebanyak 1.5 tan durian premium disediakan untuk dinikmati oleh para peserta, sekali gus menjadikan acara itu bukan sahaja terbesar dari segi penyertaan, malah jumlah durian yang dihidangkan secara serentak.

Durian-durian tersebut merupakan hasil tuai segar dari ladang milik SDurian World yang terletak di kawasan tanah tinggi Jementah, Segamat, Johor. Antara varieti utama yang ditawarkan adalah musang king dan black thorn iaitu dua jenis durian yang



DAVID (empat dari kiri) menunjukkan sijil Malaysia Book of Records yang diterima ketika acara makan durian di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

semakin mendapat permintaan tinggi.

Musang king dengan isi berwarna kuning keemasan serta rasa kaya dan berkrim

menjadi pilihan utama penggemar durian tegar.

Sementara itu, black thorn pula semakin digemari kerana kelembutannya dan rasa manis dengan sedikit kelat yang seimbang. Turut disediakan adalah durian D24 dan D101 bagi memberi variasi rasa serta tekstur kepada para peserta.

Menariknya, dua buah lori tambahan terpaksa dipanggil kerana sambutan luar jangka, sekali gus membuktikan minat orang ramai terhadap acara berasaskan durian.

Tambah David, bagi memastikan kesegaran maksimum, proses penuaian dilakukan seawal tengah malam sehingga subuh, melibatkan buah-buahan ranum gugur sendiri dari pokok.

"Durian ini dihantar terus ke lokasi acara seawal pukul 7 pagi. Ia mengambil masa kira-kira dua jam perjalanan dari Segamat ke Petaling Jaya.

"Proses logistik terancang ini bagi memastikan durian disajikan berada dalam keadaan terbaik, selari dengan pengalaman autentik yang ingin kami tawarkan," jelasnya.

Selain menganjurkan acara makan durian, David turut berkongsi rancangan masa depan SDurian World yang ingin

membangunkan ladang durian berasaskan teknologi kecerdasan buatan (AI) terbesar di Malaysia dan dunia.

Projek yang mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk Agrobank itu bakal menggunakan sistem pintar seperti ujian tanah, ramalan cuaca, kawalan baja serta pemantauan tanaman melalui satelit bagi meningkatkan kecekapan serta hasil.

Menariknya, SDurian World juga merancang sebuah aplikasi Interaktif berbentuk permainan yang membolehkan pengguna mengadopsi pokok durian secara maya, memantau pertumbuhannya dan menerima ganjaran berupa durian sebenar.

"Kami menggunakan beberapa jenis teknologi AI. Yang pertama adalah untuk penanaman, merangkumi ujian tanah dan ramalan cuaca seperti hujan serta ribut bagi mengawal penggunaan baja secara optimum.

"Kami memanfaatkan teknologi satelit untuk memantau pokok termasuk keadaan daun dan tahap kesihatan tanaman.

"Yang kedua adalah aplikasi permainan interaktif, iaitu pengguna boleh mengadopsi pokok durian secara maya dan berpeluang menerima durian sebenar sebagai ganjaran. Permainan ini eksklusif untuk ahli Durian World," katanya.



SDURIAN WORLD memiliki ladang durian di Segamat, Johor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2025	HARIAN METRO	KUBELA	33



DOKTOR veterinar bertanggungjawab jaga kebajikan semua haiwan termasuk yang eksotik

REALITI DUNIA VETERINAR

Dari hamster hidup kanser hingga ular albino, Dr Hazim tangani segalanya dengan penuh sabar dan ilmu

FOKUS

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mati@metro.com.my

Tidak ramai mengetahui bahawa doktor veterinar turut merawat haiwan peliharaan eksotik. Ini kerana watak mereka

lebih sering ditonjolkan merawat haiwan peliharaan yang manja seperti kucing dan anjing.

Hakikatnya, mereka juga bertanggungjawab menjaga kebajikan semua haiwan termasuk yang eksotik, daripada aspek kesihatan dan perubatan supaya kekal sihat.

Doktor veterinar, Dr Hazim Alazmi berkata, haiwan eksotik mempunyai hak yang sama seperti haiwan peliharaan lain dalam aspek penjagaan dan rawatan.

Menurutnya, beliau sudah merawat kira-kira 500 haiwan eksotik sepanjang enam tahun berkhidmat sebagai doktor veterinar.

> 34



DR Hazim sudah enam tahun menjadi doktor veterinar.

23/7/2025

HARIAN
METRO

KUBELA

34

DARI MUKA 33

"Haiwan eksotik biasanya terdiri daripada haiwan berdarah sejuk. Antara yang pernah saya rawat ialah ular, 'bearded dragon' dan meerkat.

"Dua haiwan eksotik paling unik saya pernah rawat ialah ular albino yang jarang dipelihara kerana keunikannya.

"Satu lagi adalah katak pacman (*Ceratophrys* spp.) yang dikenali sebagai haiwan kanibal kerana berpotensi memakan sesama sendiri.

"Katak itu dibawa ke klinik kerana enggan makan disebabkan masalah sakit perut. Rawatan diberikan ialah antibiotik yang dicampurkan dalam air minumnya," katanya.

Dr Hazim menjelaskan elemen terpenting dalam merawat haiwan eksotik ialah mendapatkan sejarah perubahan yang lengkap daripada pemilik.

"Secara umumnya, penyakit yang sering dihidapi haiwan eksotik termasuk jangkitan cacing, jangkitan mata, selesema, jangkitan pernafasan dan masalah kulit serta bulu.

"Kos rawatan biasanya tidak mahal, kecuali jika perlu menjalani pembedahan atau prosedur khas seperti penggunaan endoskop," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut berkongsi pengalaman merawat seekor hamster yang menghidap kanser mulut.

"Pola penyakit seperti kanser dalam haiwan adalah lebih kurang sama seperti manusia, tetapi pilihan rawatan sangat terhad, terutama untuk haiwan kecil seperti hamster.

"Jangka hayat hamster juga pendek. Jika diberi rawatan kemoterapi, ia biasanya tidak memberi kesan signifikan kepada pemulihan.

"Oleh itu, rawatan paliatif diberikan untuk mengurangkan kesakitan dan meningkatkan kualiti hidupnya dalam tempoh beberapa bulan terakhir," katanya.

Dr Hazim menasihati mereka yang berminat memelihara haiwan eksotik supaya terlebih dahulu memahami sifat dan keperluan haiwan itu, terutama bagi haiwan berdarah sejuk seperti ular.

RAWAT DENGAN IHSAN

Sebagai doktor veterinar Muslim, Dr Hazim tetap jaga hukum, kebajikan haiwan tanpa kompromi

"Haiwan ini sangat sensitif terhadap suhu dan kelembapan persekitaran. Jika penjagaan tidak teliti, mereka mudah mati.

"Pemilik perlu rajin dan peka terhadap keperluan haiwan serta memastikan habitatnya sentiasa dalam keadaan optimum," katanya.


Beliau juga berkongsi beberapa cabaran dalam merawat haiwan eksotik.

"Cabaran utama adalah dari aspek pengendalian. Jika haiwan dalam 'mood' tidak baik, ia boleh menjadi agresif atau sukar

dikendalikan.

"Selain itu, diagnosis penyakit juga mencabar kerana tidak semua klinik mempunyai peralatan khusus untuk mendiagnosis penyakit haiwan eksotik. Dalam kes sebegini, rujukan kepada pakar diperlukan," katanya.

Di samping itu, impian beliau sebagai doktor veterinar adalah untuk memastikan kesejahteraan semua haiwan peliharaan termasuk yang terbiar di jalanan supaya sentiasa



DR Hazim rawat pelbagai haiwan eksotik.

terbela.

"Satu perkara penting ialah jangan mudah mengecam doktor veterinar yang tidak memakai sarung tangan ketika merawat anjing.

"Sebagai doktor veterinar Muslim, saya mengakui pentingnya menjaga kebersihan dan hukum agama.

"Namun, dalam beberapa situasi, doktor veterinar terpaksa tidak memakai sarung tangan ketika merawat anjing kerana ada haiwan ini jadi sangat takut atau agresif apabila terhidu bau getah (sarung tangan).

"Kami tetap mencuci dan menyertu tangan selepas rawatan. Jangan terus mengecam kerana setiap rawatan dilakukan dengan ihsan, ilmu serta penuh tanggungjawab," katanya.

Cabaran utama adalah dari aspek pengendalian. Jika haiwan dalam 'mood' tidak baik, ia boleh menjadi agresif atau sukar dikendalikan

DR HAZIM



DIAGNOSIS penyakit haiwan juga tugas mencabar doktor veterinar.